

**PELANCARAN SAMBUTAN MINGGU KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT
AGAMA SEDUNIA PERINGKAT SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN
PELAJARAN MALAYSIA 2013**

08/02/2013

SMK SEKSYEN 3, BANDAR KINRARA PUCHONG, SELANGOR

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Keharmonian.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi puji dan syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia serta izinNya dapat saya bersama-sama dalam majlis yang amat bermakna ini. Saya merasa amat berbesar hati dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan serta terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini. Saya berpandangan program seperti ini merupakan aktiviti penting supaya erti keharmonian dan keamanan dapat dihayati dan difahami dengan lebih mendalam terutamanya generasi muda ketika ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

2. Nikmat keharmonian dan semangat perpaduan yang kita nikmati pada hari ini merupakan hasil perjuangan generasi terdahulu, yang telah berkorban segenap jiwa raga untuk meletakkan cita-cita perpaduan serta semangat muhibbah masyarakat berbilang kaum dan agama di negara ini. Bertuahlah kita berada di bumi tercinta ini dalam keadaan aman dan harmoni, sebagai sebuah negara bangsa yang berdaulat, dihormati dan disegani oleh bangsa lain di dunia.

3. Kestabilan dan keharmonian yang kita miliki ketika ini adalah satu bentuk kesepakatan masyarakat yang tinggi. Proses pembinaan sesebuah negara bangsa yang ingin maju ke hadapan, seharusnya bertunjangkan kepada persefahaman yang padu, saling memahami dan menghormati sesama sendiri, serta mengamalkan budaya positif dalam kalangan masyarakat. Tanpa ada sikap toleransi dan kesepakatan dalam segala hal, pastinya pembangunan ke arah negara maju berpendapatan tinggi tidak akan dapat direalisasikan.

4. Oleh yang demikian, pembinaan bangsa bermaruah dan berdaulat adalah menjadi tanggungjawab seluruh anggota masyarakat, untuk meletakkan bangsa dan negara setanding dengan negara maju di dunia. Apatah lagi dalam dunia globalisasi tanpa sempadan yang memerlukan rakyat dan masyarakat yang cekal untuk bersaing dan maju dalam segala bidang. Sesungguhnya, program yang kita laksanakan pada hari ini akan dapat merapatkan lagi jurang keharmonian dan muhibbah antara kita terutama murid-murid di sekolah.

5. Hal ini amat penting kerana generasi muda inilah yang bakal menjadi pelapis kepada kepimpinan negara di masa hadapan. Sekiranya generasi pelapis ini tidak bersatu padu dan tidak mempunyai visi dan misi yang sehaluan, saya dapat rasakan kestabilan yang sedang kita nikmati sekarang ini akan tergugat.

6. Kita tidak mahu perkara ini berlaku. Kerenggangan antara kaum dan agama dalam kalangan generasi muda akan semakin meluas, jika kecenderungan ke arah perpaduan tidak dipupuk dari peringkat awal. Malah, jika ini dibiarkan berterusan, mereka akan terus membawa haluan masing-masing, dan menjadi lebih parah lagi apabila nilai keharmonian yang sedia terjalin terungkai dan musnah. Oleh itu, amatlah penting untuk kita terus memupuk semangat perpaduan yang utuh, seiring dengan pembentukan satu identiti kebangsaan yang boleh diterima dan dikongsi bersama.

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Dalam usaha membina Negara Bangsa seperti yang dihasratkan dalam Wawasan 2020, kita semua bertanggungjawab untuk memastikan semangat perpaduan dan integrasi nasional terus diperkukuhkan terutama dalam kalangan murid-murid di semua peringkat pendidikan. Pihak sekolah dan institusi pendidikan perlu terus berusaha membangunkan persekitaran sosial yang kondusif serta menggalakkan komunikasi dan interaksi antara murid dari pelbagai kaum, agama dan budaya, agar satu identiti nasional Malaysia dapat direalisasikan.

8. Dalam konteks ini, pemimpin institusi pendidikan terutamanya guru-guru perlu mewujudkan perancangan strategik untuk memupuk dan mengekalkan semangat perpaduan dan patriotisme, melalui aktiviti-aktiviti kurikulum, kokurikulum dan kesukanan di sekolah. Ini secara tidak langsung akan dapat membangunkan sahsiah modal insan yang bukan sahaja berilmu pengetahuan dan berkemahiran, tetapi memahami, menghayati serta mengamalkan nilai dan etika yang baik.

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Perpaduan adalah pra-syarat dalam usaha merealisasikan aspirasi negara untuk mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Oleh kerana itulah, Kerajaan di bawah kepimpinan Y.A.B. Datuk Seri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri kita telah memperkenalkan Konsep 1Malaysia.

10. Konsep 1Malaysia adalah satu gagasan untuk memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama, berteraskan beberapa nilai-nilai murni yang seharusnya menjadi amalan setiap warganegara. Ini bertujuan untuk menjamin kestabilan dan keharmonian ke arah mencapai kemajuan dan pembangunan yang lebih baik dan mapan.

11. Maka wajarlah, generasi muda kita perlu sentiasa dipupuk dengan semangat menghargai dan menghormati prinsip-prinsip Perlembagaan Persekutuan, memahami perbezaan budaya yang wujud, menghayati dan mengamalkan kesepakatan dan muhibbah dalam kalangan mereka. Menghargai dan menghormati kepelbagaian budaya dan agama adalah aset atau kelebihan yang patut dibanggakan dan terus dipertahankan.

12. Kerajaan sangat menekankan sikap penerimaan dalam kalangan rakyat berbilang kaum dan agama, di mana sesuatu kaum dapat menerima keunikan kaum yang lain seadanya, agar dapat kita hidup bersama dalam keadaan saling hormat menghormati sebagai rakyat dalam satu negara.

13. Maka, adalah menjadi asas kepada Kerajaan bahawa prinsip keadilan untuk semua kaum,

yang membawa maksud bahawa nasib semua kaum akan terbela dan tiada mana-mana pihak dipinggirkan. Namun, kita harus sedar keadilan yang dimaksudkan di sini mestilah mengambilkira tahap sosio-ekonomi dan kemajuan setiap kaum. Ini juga telah pun diterjemah dan diperjelaskan melalui dasar-dasar kerajaan dan peruntukan Perlembagaan untuk semua lapisan masyarakat yang harus mendapat pembelaan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

14. Kita telah mengecapi nikmat kemerdekaan selama 55 tahun. Demi sayang dan kasih kepada tanah air, kepimpinan negara dan rakyat berbilang kaum telah berganding bahu dalam mengisi erti kemerdekaan ini dengan pelbagai program pembangunan di semua peringkat untuk mencapai satu matlamat dan kejayaan untuk dinikmati semua.

15. Akan tetapi sejak akhir-akhir ini, amatlah kecewa rasanya, apabila terdapat beberapa pihak berkepentingan yang cuba mengeruhkan keharmonian perpaduan ini demi kepentingan kelompok dan peribadi masing-masing. Bahkan, terdapat usaha untuk menghidupkan api permusuhan dan syak wasangka sesama kita agar mereka dapat menanggung di air yang keruh. Sebenarnya, Kontrak Sosial bukanlah sesuatu yang perlu dipertikai bagi mengisi kepentingan individu tertentu, tetapi sewajarnya diterima dan dihayati sebaik mungkin maknanya dan bukan bertujuan untuk memuaskan kehendak sesetengah pihak sahaja.

16. Kita semua beruntung kerana negara ini memberi kebebasan dalam mengamalkan agama, bahasa dan budaya masing-masing. Bahkan kerajaan turut menyambut dan memberi sokongan kepada setiap kaum untuk menjalani aktiviti kebudayaan masing-masing, termasuk mengisytiharkan cuti umum bagi setiap perayaan. Tiada dasar yang menghalang pengamalan identiti etnik masing-masing sama ada secara tertutup dalam keluarga mahupun terbuka dalam sesebuah kelompok ataupun institusi kemasyarakatan.

17. Setiap pihak juga berhak menjalani kegiatan ekonomi, mengumpul harta, membina kejayaan, berkeluarga dan mendapat pendidikan di negara ini. Mengamalkan perpaduan dan integrasi tidak semestinya membuatkan kita hilang identiti. Kita masih lagi orang Cina, India, Melayu dan sebagainya. Pengorbanan dan saling menerima antara satu sama lain adalah satu keperluan demi keamanan serta keharmonian, bahkan ianya merupakan tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia yang inginkan kesejahteraan berpanjangan.

18. Oleh itu, kita sepatutnya memahami bahawa sebenarnya benteng terkuat yang memperkukuh perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat tidaklah semestinya melalui pembangunan fizikal ataupun perundangan semata-mata. Tetapi, perpaduan dan keharmonian yang kita miliki ini adalah berlandaskan kepada keikhlasan untuk terus memacu kita ke arah kemajuan. Maka, marilah bersama-sama memupuk dan mengamalkan nilai-nilai hidup yang boleh melindungi serta mempertahankan kita daripada pengaruh perpecahan yang tidak diinginkan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

19. Usaha yang dilakukan Kerajaan pada hari ini sememangnya untuk meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat. Pelbagai kemudahan dan keperluan cuba disediakan dan

dipenuhi mengikut keperluan dan kemampuan. Di bidang pendidikan, contohnya, setiap rakyat boleh mendapat akses dan kualiti pendidikan di mana sekali pun mereka berpijak di bumi negara ini. Ini kerana kita percaya bahawa melalui pendidikan perpaduan dan keharmonian dapat terus dipupuk ke arah yang lebih jitu. Oleh itu, saya berharap agar program seperti ini akan memberi manfaat kepada semua yang terlibat tanpa mengira status dan budaya.

20. Hargailah kesempatan yang diberikan ini untuk kita merenung kembali betapa tingginya nilai perpaduan dan keharmonian yang kita miliki pada ketika ini. Sesungguhnya, fahamilah antara satu sama lain. Akuilah kita sebenarnya bersama dan mempunyai persamaan. Dan bersyukurlah dengan perbezaan budaya dan agama kita anuti, menjadikan kita lebih kuat. padu dan bersatu padu untuk menghadapi masa hadapan yang lebih mencabar.

21. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Jabatan Perpaduan dan Intergrasi Nasional (JPNIN) serta semua pihak yang telah terlibat sama ada secara langsung atau tidak dalam menjayakan program kita pada hari ini.

22. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Pelancaran Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia Peringkat Sekolah-Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia 2013.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.